

26/09/2002

Semaikan `Ekonomi Kita Tanggungjawab Kita'

Azuan Effendy Zaira

PEMBENTANGAN Bajet 2003 oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Rakyat petang Jumaat lalu, boleh disifatkan sebagai bajet yang cukup unik dan mesra rakyat.

Bajet yang dibentangkan dengan tiada sebarang cukai baru dan tanpa kenaikan cukai menggambarkan mesej yang jelas bahawa negara sedang menuju ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Bagaimanapun, kerajaan serta rakyat Malaysia secara keseluruhannya tidak harus alpa dan leka dengan keadaan ini.

Langkah-langkah pengukuhan ekonomi perlu diteruskan dengan mengambil kira perencanaan yang lebih strategik dan teratur.

Cabaran globalisasi seharusnya meletakkan kita dalam keadaan yang sentiasa berjaga-jaga dengan tindakan penyangak mata wang.

Kita harus akui bahawa kestabilan negara dan pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada keyakinan jitu masyarakat Malaysia bahawa merekalah yang mampu mempertahankan sistem ekonomi negara.

Ungkapan "ekonomi kita tanggungjawab kita" harus disematkan di dalam jiwa setiap anggota masyarakat kita tanpa mengira perbezaan agama, ras, bangsa serta fahaman politik.

Seperti yang diungkapkan oleh Perdana Menteri: "Kepentingan kepada diri sendiri amat penting bagi menjayakan sesuatu. Sama ada negara maju atau tidak bergantung kepada keyakinan terhadap kebolehan kita. Apabila kita kenakan sekatan terhadap pengaliran keluar wang yang dilabur oleh pelabur asing dalam pasaran saham kita, Indeks Komposit Kuala Lumpur atau KLCI naik daripada 262 mata kepada lebih 800 mata."

Kita sebenarnya khuatir sekiranya apa yang berlaku pada 1997, iaitu kemelesetan ekonomi, berulang lagi dengan kaedah baru yang digunakan oleh penyangak mata wang.

Tanda-tanda eksploitasi kewangan sebenarnya telah pun jelas kelihatan daripada sistem yang kita lalui ketika ini.

Kadar faedah yang tinggi, penarikan balik subsidi, pengapungan mata wang, semuanya merosakkan lagi ekonomi dan kestabilan negara.

Disebabkan itu benarlah kata Perdana Menteri bahawa mereka ini sepatutnya dilabel sebagai `pengganas mata wang'.

Bajet 2003 yang telah dibentangkan mencakupi keseluruhan panji-panji penting ekonomi negara termasuk peruntukan untuk bidang pendidikan.

Kita dapat meramalkan bahawabidang pendidikan akan menjadi amat penting, terutama jika kita melihat kepada senario corak guna tenaga yang diamalkan akhir-akhir ini.

Pertumbuhan ekonomi banyak didorong oleh industri berasaskan pengetahuan, terutama sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Di dalam konteks ini, sistem pendidikan kita, terutama pendidikan tinggi, perlu bertindak balas kepada perubahan itu.

Bagi memastikan pelajar kita terus boleh bersaing, pengukuhan pelajar Bumiputera serta pelajar di desa dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris perlu segera dilaksanakan.

Di atas sebab itulah, maka program peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) harus dilaksanakan secepat mungkin.

Seiring dengan penerapan ilmu-ilmu ICT di peringkat pendidikan tinggi, kita juga harus memberikan penumpuan yang khusus terhadap pembelajaran nilai-nilai asas untuk membina insan.

Ajaran Islam telah menegaskan bahawa pembinaan insan harus berteraskan

pembinaan akidah, pemurnian adab pekerti serta pemerkasaan semangat juang untuk mengadakan transformasi diri, masyarakat, negara dan seterusnya ummah.

Kita berazam untuk melahirkan 'ummatic leader' (pemimpin ummat) yang mempunyai kualiti kepemimpinan yang tinggi.

Disebabkan itulah, Bajet 2003 seharusnya dapat menjana pendidikan yang memberikan penerapan nilai-nilai keagamaan dan moral sesuai dengan keazaman murni seperti yang dinyatakan.

Generasi muda harus sedar bahawa tanggungjawab kepemimpinan yang akan diwarisi, menuntut mereka untuk menjadi pemimpin yang mempunyai daya fikir, berwawasan, bertindak selaku pemimpin-pemikir (al-qaidul mufakkir) dan pemimpin pendidik (al-qaidul murabbi), berkemampuan merancang, memahami siasah shari'yyah serta bersifat pemimpin perubah (transformational leader).

Ibn Khaldun, seorang ulama terkenal semasa, mengulas perkara penting yang harus dilakukan oleh pemimpin ummah, menyatakan bahawa fiqh al-taghyir atau menangani perubahan perlu dilakukan.

Di atas sebab itulah maka penggarapan nilai-nilai moral dan kerohanian perlu digandingkan dengan ilmu-ilmu moden seperti ICT di dalam sistem pendidikan.

Kita seharusnya menyambut baik peruntukan yang banyak yang telah disediakan untuk sektor pendidikan seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2003.

Apa yang pasti, Bajet 2003 harus dilihat sebagai insentif yang berguna untuk seluruh masyarakat, termasuk generasi muda.

Mahu tidak mahu, generasi muda perlu menyahut seruan masyarakat untuk terus melengkapkan diri dengan kekuatan idealisme yang utuh.

Generasi muda perlu sedar bahawa masyarakat kita, terutama remaja, sedang sakit. Justeru, kita harus buktikan bahawa masalah sosial yang berlaku dengan berleluasa kini dapat diatasi sekiranya kita terus berpegang kepada ajaran-ajaran yang benar.

Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri adalah rangsangan untuk generasi muda. Justeru, giliran kitalah untuk membuktikan bahawa kita mengambil peluang itu dengan sebaik mungkin.

AZUAN EFFENDY ZAIRA

Setiausaha Agung,

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).